

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PEPERIKSAAN SEMESTER KEDUA
SIDANG AKADEMIK 1994/95

APRIL 1995

MKT180 - Pengaturcaraan Untuk Penggunaan Sains

[Masa: 3 Jam]

Jawab SEMUA soalan.

1. Dengan menggunakan gelungan FOR serta memformatkan output yang bersesuaian tulis suatu aturcara ringkas untuk melukis pepenjuru terdiri daripada lima bintang seperti yang ditunjukkan di bawah:

```
*
 *
  *
   *
    *
```

(6/100)

2. Tulis aturcara untuk membaca satu integer dan outputkan hasil-bahaginya dengan 3 jika ianya terbahagi dengan 3 (tidak ada baki). Jika integer yang dibaca tidak terbahagi 3 cetak baki serta pernyataan bahawa integer ini tidak terbahagi dengan 3.

(6/100)

3. Suatu senarai 30 integer perlu disimpan di dalam tatasusunan. Tulis pengistiharan Pascal untuk menyimpan integer-integer tersebut di dalam tatasusunan tersebut. Selanjutnya tulis bahagian aturcara untuk membaca integer-integer tersebut.

(6/100)

4. Tulis suatu fungsi bertajuk KIRAHT seperti di bawah untuk mencari hasil tambah n integer positif pertama. Sebagai contoh, bagi $n = 5$, hasil tambahnya ialah $1 + 2 + 3 + 4 + 5 = 15$

function KIRAHT(nom : integer):integer;

(8/100)